



UPSI, MyTutor Academy jalin kerjasama strategik perka kebolehpasaran graduan

Tanjong Malim, 15 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan MyTutor Academy Sdn. Bhd. bagi memperkukuh jaringan strategik antara universiti dan industri dalam bidang inovasi, latihan serta pembangunan modal insan. Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff berkata, kerjasama itu dijangka membuka ruang kolaborasi lebih luas termasuk menghubungkan ekosistem pembelajaran digital Home2U UPSI dengan platform MyTutor bagi memperluas akses pendidikan secara fleksibel kepada masyarakat.

Beliau berkata, inisiatif itu juga merangkumi cadangan pelantikan Pensyarah Adjung daripada industri bagi merapatkan jurang antara teori akademik dan amalan profesional. "Kerjasama ini turut meneroka pembangunan platform perkhidmatan bersepadu yang membolehkan pelajar, graduan dan komuniti mendapatkan akses kepada latihan, bimbingan serta peluang pekerjaan dalam satu ekosistem digital yang komprehensif," katanya. Beliau

berkata demikian pada majlis berkenaan yang berlangsung di Bangunan Canselori, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah UPSI.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Prof. Dr. Norkhalid Salimin; dan Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (EDGE) UPSI, Prof. Madya Dr. Sharul Effendy Janudin; Ketua Pegawai Kewangan (CFO) MyTutor Academy, Zulaikha Jeffrey; Pegawai Perhubungan Korporat dan Perhubungan Awam MyTutor Academy, Nurul Aqilah Baharuddin serta Eksekutif Pemasaran, Muhammad Noor Hariz Md. Nor. Menurut Prof. Dr. Md. Amin, kerjasama berkenaan juga dilihat berpotensi memperkukuh peranan jaringan alumni UPSI dalam aspek pembangunan kerjaya, keusahawanan dan jaringan profesional. "Melalui pemeteraian MoA ini turut membuka peluang kepada graduan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi termasuk Sarjana dan Doktor Falsafah," ujar beliau.

Projek RM3 Juta Pulihara Hutan Kita: UPSI Guna Sensor, IoT & AI Jaga Biodiversiti Kita!

Gerik, 20 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerajui pelaksanaan projek pemuliharaan hutan berteknologi pintar di kawasan *Central Forest Spine* (CFS) Gerik, Perak selepas menerima geran antarabangsa berjumlah RM3 juta menerusi inisiatif EduGreen@UPSI.

Geran itu merupakan hasil kerjasama strategik antara Procter & Gamble (P&G) Amerika Syarikat dan World Wide Fund for Nature (WWF-Malaysia) di bawah program *Nature Pillar* bagi pelaksanaan projek *Integrated Smart Bioacoustic Project for Wildlife & Forest Conservation*. Menurut Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff, UPSI sebagai peneraju projek memfokuskan pembangunan teknologi konservasi berasaskan kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT) dan bioakustik pintar

bagi memperkukuh pemantauan biodiversiti serta keselamatan hutan secara masa nyata di kawasan CFS.

Prof. Dr. Md. Amin berkata, peranan universiti sebagai peneraju projek itu mencerminkan keupayaan institusi tersebut berkenaan dalam menggabungkan kepakaran teknologi dan penyelidikan bagi menyokong agenda pemuliharaan hutan negara. "Melalui penerapan teknologi AI dan IoT, UPSI berupaya membangunkan sistem pemantauan hutan secara masa nyata yang lebih cekap dan berimpak tinggi dalam usaha melindungi hidupan liar serta ekosistem hutan." Turut hadir Pengerusi WWF-Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar bersama barisan pengurusan tertinggi WWF-Malaysia, wakil kepimpinan P&G Amerika Syarikat.



Kemasukan IPTA berdasarkan merit, terbukti berkesan, jangan lagi dipolitikkan

Tanjong Malim, 26 April - Isu kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tidak sepatutnya dijadikan modal politik sehingga menjejaskan peluang pendidikan terutama kepada pelajar yang benar-benar layak.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir, pengambilalihan pelajar ke IPTA dibuat berdasarkan merit. "Bagi pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), apa yang kita lakukan dengan sebaiknya iaitu sistem di peringkat Unit Pusat Universiti (UPU) dilaksanakan.

"Saya ingin menegaskan agar soal peluang pendidikan ini tidak dipolitikkan secara keterlaluan sehingga asas untuk memberi ruang yang sebaik-baiknya kepada seluruh anak-anak (pelajar) tidak diberi perhatian sewajarnya.

"Sebaik-baiknya kita menumpukan peluang pendidikan anak-anak (pelajar) kita itu tetapi kita tidak beri perhatian, malah jadikan ia sebagai isu politik sehingga mengheret pelajar-pelajar yang ada menjadi mangsa kepada sistem yang begini," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran *Global Educator Award* (GEA) 2026, di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di sini hari ini. Zambry berkata, sepatutnya soal pemilihan berdasarkan sistem merit tidak perlu dipertikaikan lagi kerana ia terbukti berkesan sejak sekian lama. "Saya harap pada kali ini (kemasukan ke IPTA) dapat diambil perhatian oleh semua pihak. Sekiranya ada masalah mengenai pelajar yang tidak berjaya walaupun mempunyai keputusan yang baik, ia boleh dirujuk kepada pihak UPU.

"Pihak UPU sentiasa terbuka untuk memaklumkan kepada ibu bapa supaya mereka lebih memahami tentang kemasukan pelajar ke IPTA dengan lebih jelas.

"Kita harus ingat bahawa ini adalah peluang untuk anak-anak mencapai impian mereka dan ibu bapa untuk melihat anak-anak mereka berjaya. Justeru, kami disini sentiasa berusaha untuk membantu", katanya.

Beliau berkata, ruang lanjutan pendidikan bukan terhad semata-mata di universiti tetapi dalam program berkemahiran tinggi seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di politeknik seluruh negara. Katanya, peluang pendidikan yang terbuka luas sedia ada perlu direbut dan diambil peluang oleh pelajar.

